

01/03/2003

Senjata minyak bukan keputusan Malaysia

KUALA LUMPUR: Mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini Rabu lalu, tidak membuat keputusan muktamad berhubung penggunaan minyak sebagai senjata bagi menghalang serangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq.

Malah, cadangan itu juga bukan bertujuan menghasut negara lain atau pendirian rasmi OIC kerana ia cuma dibincangkan dalam mesyuarat tidak rasmi yang diadakan sehari selepas Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).

Perkara itu dijelaskan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, ketika mengulas reaksi pelbagai pihak termasuk Amerika Syarikat (AS) dan anggota negara pengeluar dan pengeksport minyak (Opec) berhubung keputusan mesyuarat OIC itu.

Kelmarin, Amerika Syarikat dilaporkan menolak cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya dunia Islam mengkaji menggunakan minyak sebagai senjata bagi menyekat kuasa besar itu menyerang Iraq.

Jurucakap Jabatan Negara, Brenda Greenberg, berkata Washington sudah diberi jaminan oleh anggota Opec bahawa kesatuan itu tidak akan menggunakan minyak sebagai senjata.

"Anggota negara Opec sudah berulang kali memberitahu kami bahawa minyak bukannya senjata untuk mengakhiri situasi politik," katanya.

Terdahulu di ibu pejabat Opec di Vienna, Setiausaha Agungnya, Jeneral Alvaro Silva Calderon juga berkata, anggota Opec tidak akan menggunakan minyak sebagai senjata dan mencapai persetujuan untuk meningkatkan pengeluaran minyak.

Opec yang pro Amerika juga dilaporkan sama sekali tidak akan menggunakan minyak sebagai senjata dengan alasan minyak diuruskan dalam satu bentuk ekonomi dan bukannya senjata dalam peperangan.

Abdullah yang ditemui pemberita selepas majlis menghargai kejayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) memelihara keamanan sepanjang Sidang Kemuncak NAM berkata kajian kemungkinan minyak digunakan sebagai senjata hanya dibincangkan dan perkara itu harus dikaji dari aspek positif dan negatifnya.

Bagaimanapun, katanya, kebanyakan akhbar melaporkan seolah-olah kajian itu dicapai secara konsensus di kalangan negara yang menghadiri mesyuarat berkenaan.

"Perdana Menteri menyatakan bahawa isu menggunakan minyak sebagai senjata untuk menghadapi isu peperangan Iraq bukanlah keputusan yang diambil dalam mesyuarat itu.

"Ia hanya dibincangkan dan perlu dihalusi dari segi baik buruknya menggunakan minyak sebagai senjata. Sebenarnya, tidak ada keputusan muktamad dicapai," katanya.

Syed Hamid yang ditemui pemberita selepas diwawancara dalam rancangan Malaysia Hari Ini di Sri Pentas, pula berkata, cadangan itu bukan bertujuan menghasut negara lain.

"Saya fikir elok ada pandangan berlainan tetapi ia bukan bermakna pandangan itu hendak kita laksanakan tetapi kita utarakan perkara itu, dan saya berharap ia tidak menjadi polemik yang tidak menguntungkan," katanya.

Beliau berkata, saranan itu dibuat pada mesyuarat tidak rasmi OIC dan oleh itu ia bukan pendirian rasmi OIC.

Syed Hamid berkata saranan itu memerlukan penelitian yang amat mendalam kerana ia mempunyai kesan baik dan buruknya.

"Kita sedar semua ini, sebab itu kita kata tidak semudah itu, ia perlu dilihat lebih jauh lagi. Saya harap perkara ini tidak menjadi polemik seolah kita cuba menghasut," katanya.

Ditanya sama ada pandangan Amerika adalah sesuatu yang melulu, Syed Hamid berkata: "Saya rasa ia bukan saja melulu malah tidak sepatutnya dibuat kerana tidak ada keputusan muktamad dicapai.

"Dalam suasana wujudnya unipolar, dengan hanya satu polis dunia, semua orang tidak mahu membincangkan sesuatu perkara secara terbuka. Saya rasa dunia ini bukan tempat seronok untuk didiami jika kita takut mengeluarkan kenyataan yang boleh membuatkan Amerika marah," katanya.